

Oleh Amirul Aiman  
Hamsuddin  
am@hmetro.com.my

## Sekinchan

Guna khidmat nelayan haram warga Myanmar yang dibayar gaji murah untuk menangkap ikan di laut.

Itu antara tindakan sege-lintir nelayan tempatan yang sanggup menanggung risiko dengan menggunakan khidmat pendatang tanpa izin.

Terbaharu lapan individu warga Myanmar diberkas selepas dikesan menjalankan aktiviti perikanan secara haram pada jarak kira-kira 11.6 batu nautika barat laut Sekinchan di sini.

Semua mereka ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor menerusi rondaan Op Ehsan.

Pengarah Maritim Negeri Selangor Kepten Maritim V Siva Kumar berkata, seramai lapan individu termasuk tekong berusia 29 hingga 42 tahun ditahan dalam operasi jam 12.10 tengah hari kelmarin.

Di samping itu, beliau ber-kata, Kapal Maritim (KM) Bagan Datuk sebelum itu tutut mengesan dua bot nelayan tempatan yang sedang menjalankan aktiviti perikanan secara berkelompok dan dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kedua-dua bot nelayan berkenaan dikendali lapan kru warga Myanmar.



ANTARA lapan individu warga Myanmar termasuk seorang tekong yang ditahan APMM Selangor kerana menjalankan aktiviti perikanan secara tidak sah.

# BOT MALAYSIA TAPI NELAYAN ASING

*Segelintir nelayan tempatan guna khidmat pendatang tanpa izin untuk tangkap ikan dengan gaji murah*

"Pemeriksaan lanjut ke atas dokumen berkaitan mendapati kedua-dua bot berkenaan melakukan kesalan di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen."

"Manakala semua dokumen pengenalan diri kru bot nelayan juga meragukan," katanya dalam satu kenyataan.

Siva Kumar berkata, susulan itu hasil tangkapan ikan campur seberat kira-kira 200 kilogram (kg) bersama kru dan bot ditahan dan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia bagi tindakan lanjut.

## Perlu lesen vesel untuk tangkap sotong

Kuantan: Nelayan yang ingin menangkap sotong perlu memiliki lesen yesel dan menggunakan peralatan mengail yang dibenarkan sahaja.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang Abdullah Jaafar berkata, bagi nelayan yang memiliki lesen mereka perlu mematuhi setiap peraturan ditetapkan bagi mengelak dikenakan tindakan undang-undang.


Menurutnya, sebagai contoh aktiviti menangkap sotong dan ikan di perairan taman laut ia hanya dibenarkan di luar kawasan dua batu nautika dari pantai.

"Sekiranya terdapat nelayan melanggar peraturan diterapkan mereka boleh dikenakan kompaun sehingga RM20,000 atau didakwa di mahkamah."

"Syarat yang ditetapkan oleh jabatan bertujuan bagi menjaga sumber perikanan supaya tidak terjejas dan menjaga kelestariannya," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, musim sotong sekarang memberi peluang kepada nelayan dan pelancong mencandat sotong yang menjadi antara produk pelancongan di negeri ini.

## Rezeki dari laut



SUASANA sibuk setiap pagi di Pasar Kecil Semporna, Sabah dengan aktiviti jualan hasil laut oleh nelayan dan pemborong. Nelayan laut yang pulang akan memindahkan hasil tangkapan segar untuk dipasarkan kepada pembeli dan pengusaha restoran makanan laut Semporna yang juga dikenali dengan nama Tong Talun. - Gambar NSTP/MOHD ADAM ARININ